

1 Baca petikan di bawah ini dengan teliti kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Bahai ialah salah satu alat untuk membawa barang. Bahai dibuat daripada daun mengkuang pasir, mengkuang tanah, pandanm bemban atau pucuk nipah.



Bahai mempunyai saiz ukuran berlainan. Bahai yang bersaiz besar digunakan untuk mengangkut buah-buahan, hasil-hasil ladang seperti padi, ubi kayu, ubi manis, timun dan kacang panjang. "Bahai Pengailan" bentuknya kecil dan sedikit panjang. Bahai jenis ini biasanya dibuat daripada bemban dan digunakan oleh penangkap ikan air tawar. Bahai ini juga digunakan untuk membawa bekal, pakaian dan lain-lain keperluan persendirian kecil-kecilan. Anyamannya lebih halus dan cantik.

Pembuatnya lebih suka memilih dan mengkuang tanah kerana warnanya yang keputihan apabila dijemur sehingga cukup kereng.

Suatu ketika dahulu dalam kalangan masyarakat Kedayan, bahai merupakan salah satu alat untuk membawa barang serba guna. Mereka akan membawa bahai ke mana sahaja mereka pergi, sama ada ke lading, ke sawah, berburu, mengail ataupun mengutip sayur-sayuran hutan.

Bahai dibawa dengan cara menyikutnya. Talia atau "beres" penyikut dibuat daripada kulit-kulit kayu yang tertentu sahaja. Antaranya ialah kulit mandap, timbaran, baud an mantalian. Kulit-kulit kayu ini sangat kukuh dan tahan lama, sesuai dengan sifat kegunaan bahai yang digunakan setiap hari.

Bahai yang digunakan dengan cermat boleh tahan lama hingga tiga tahun. Petuanya ialah apabila bahai itu terkena air mestilah dijemur kerana bahai akan mudah reput jika dibiarkan lembap.

(Petikan dari majalah Mekar, November 2015: Bil.389 Jilid 47)

- a. Apakah itu bahai?

- b. Apakah bahan yang digunakan untuk membuat bahai?

- c. Apakah nama bahai yang berbentuk kecil dan sedikit panjang?

- d. Siapakah yang menggunakan bahai yang diperbuat daripada bemban?

- e. Masyarakat apakah yang menggunakan bahai sebagai satu alat untuk membawa barang serba guna?

- f. Kemanakah masyarakat Kedayan membawa bahai itu?

- g. Bagaimanakah caranya bahai itu digunakan?

- h. Apakah Talia atau 'beres' itu?

- i. Sila nyatakan nama kulit-kulit kayu yang disebutkan dalam petikan ini.

- j. Berapa lamakah bahai boleh bertahan jika digunakan dengan cermat?

(20 markah)